

22/10/2003

Sierra Leone minta Felda majukan 2,000 hektar

BANDAR SRI JEMPOL: Sierra Leone menggunakan pendekatan Felda bagi melaksanakan projek perintis pembangunan tanah seluas 2,000 hektar dengan perladangan kelapa sawit dilengkapi perumahan bagi pekerja.

Bagi memastikan projek itu berjalan lancar, negara yang baru melepasi kancah perang saudara itu, meminta bantuan Malaysia dan kepakaran Felda mengusahakan projek itu..

Presiden Sierra Leone, Dr Ahmed Tejan Kabbah, berkata sebaik pulang ke negaranya, beliau akan menghubungi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi meminta bantuan Perdana Menteri supaya kerjasama ini dapat dilakukan segera.

Dr Ahmed kini dalam rangka lawatan ke beberapa tempat di negara ini selepas menghadiri Sidang Kemuncak Ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Putrajaya, minggu lalu. Beliau berlepas pulang petang semalam.

Ketika berada di sini, Dr Ahmed bersama rombongan melawat kilang dan ladang kelapa sawit Gugusan Felda Raja Alias serta makan tengah hari di rumah keluarga Padzilah Md Sawi, 52, peneroka di Felda Raja Alias 4.

Dr Ahmed bagaimanapun, berkata pihaknya yakin Dr Mahathir yang akan bersara hujung bulan ini atau penggantinya bersedia menghulurkan bantuan, sesuai dengan amalan kerjasama dan keprihatinan kerajaan negara ini terhadap negara seperti Sierra Leone.

"Negara kami baru menempuh zaman perang saudara yang agak lama, di mana kebanyakan penduduk luar bandar bertumpu di kawasan bandar sehingga populasi penduduk kawasan ini terlalu padat. Kita tidak boleh menyuruh mereka pulang begitu saja... kita mesti sediakan satu pilihan yang membolehkan mereka pulang untuk membina kehidupan baru lebih baik.

"Hasil lawatan saya ke projek pembangunan tanah ini (Felda), saya yakin kita boleh melakukannya di Sierra Leone. Kami akan membuka dan membangunkan tanah pertanian yang dilengkapi rumah dan kemudahan untuk rakyat seperti Felda," kata Dr Ahmed ketika ditemui di ruang tamu rumah Padzilah semalam.

Rombongan Dr Ahmed, yang turut mengandungi Menteri Luar Negeri dan Hubungan Antarabangnya, Momodu Koroma dan Menteri Pertanian, Dr S S Monde, diiringi Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Khalid Yunus yang juga Ahli Parlimen Jempol, dan Pengurus Besar Felda, Khamis Md Som.

Sierra Leone seluas 71,740 kilometer persegi berada di barat Afrika dan bersempadan dengan Guinea dan Liberia. Enam puluh peratus dari eksport negara itu membabitkan pertanian, manakala perlombongan permata menjadi punca utama pertukaran wang asing.

Dr Ahmed berkata penanaman kelapa sawit memang tidak asing lagi di Sierra Leone, malah parti yang dipimpinnya, Parti Rakyat Sierra Leone, mempunyai lambang kelapa sawit.

"Saya kagum dengan kejayaan Felda, seluruh dunia juga menghargai kejayaan ini dan jika perkara ini dapat dilakukan, kita bercadang untuk mengembangkan mengikut kesesuaian produk pertanian. Kita amat memerlukan pengalaman Malaysia bagi membolehkan projek ini menjadi kenyataan," kata beliau.